

31 MAY 1998

Mahathir-Kaum

TIADA RUSUHAN KAUM KELEBIHAN MALAYSIA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembangunan yang seimbang di antara semua kaum telah menyebabkan tidak berlakunya rusuhan kaum di negara ini.

Sambil menyifatkan hakikat itu sebagai satu kelebihan Malaysia, beliau berkata, rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini mempunyai perasaan sensitif dan saling menghormati dan ini juga mengelakkan daripada berlakunya rusuhan.

"Ini adalah satu perkara yang perlu kita hargai kerana di negara kita walaupun ada tekanan ekonomi yang teruk, tetapi tidak ada rusuhan kaum di Malaysia," katanya disambut tepukan gemuruh ketika berucap pada majlis persembahan "Semarakkan Semangat Cinta Malaysia" anjuran MCA di Dataran Merdeka di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata, di negara-negara lain di mana terdapat penduduk pelbagai kaum, rusuhan kaum berlaku kerana masing-masing menyalahkan kaum yang lain, dan bukan sahaja ramai yang menjadi mangsa, malah ia turut menyebabkan keadaan ekonomi negara itu bertambah buruk.

Perdana Menteri berbangga dengan sikap penganjur majlis itu kerana berhenti sebentar acara sebagai menghormati waktu solat Isyak.

"Apabila kita sensitif terhadap masalah orang lain, maka mereka juga akan sensitif terhadap masalah kita, dengan itu mereka tidak akan membuat sesuatu yang akan menyebabkan kita merasa marah kepada mereka," katanya.

Dr Mahathir menjemput para wartawan asing melihat acara pada malam ini tetapi beliau yakin "mereka tidak akan melapor sama sekali kerana mereka sering bercerita kononnya walaupun Malaysia nampak aman, tetapi sebaliknya terdapat ketegangan antara kaum."

"Kalau mereka (media asing) cerita tentang Malaysia, tak pernah dia berhenti sebut kononnya orang Melayu dan Cina tak boleh berbaik-baik tetapi apabila mereka lihat acara pada malam ini, mereka tutup mata, tutup telinga, tutup otak sama sekali," katanya disambut dengan gelak ketawa dan tepukan.

"Kalau ada TV asing silalah ambil gambar malam ini, inilah Malaysia negara yang aman dan harusnya makmur sehinggalah mereka sengaja menurunkan nilai matawang dan saham-saham kita, tetapi kita akan lawan, kita akan pertahankan negara yang kita cinta ini," katanya lagi.

Beliau juga berkata, Malaysia telah menyusun langkah yang teratur untuk menangani masalah ekonomi sekarang dan salah satu daripadanya langkah yang amat penting sekali ialah menggalakkan rakyat membeli barangan buatan tempatan.

Perdana Menteri berkata, membeli barangan tempatan sekarang bermakna membeli barangan berkualiti dunia kerana Malaysia kini menjadi salah sebuah negara yang mengeluarkan barangan yang bermutu tinggi untuk seluruh dunia.

"Apabila kita membeli barangan buatan Malaysia, duit kita tidak akan mengalir keluar negara, dengan itu modal kita akan berkumpul dan perniagaan kita akan meningkat dan peniaga-peniaga kita akan dapat keuntungan

"Ini dengan sendirinya akan menambah keupayaan kita menghadapi masalah yang menekan kita sekarang," katanya.

Sebelum itu Dr Mahathir menjelaskan kepada orang ramai mengenai serangan yang dibuat terhadap matawang ringgit dan pasaran saham di negara ini oleh pihak luar yang tidak mahu melihat Malaysia maju dan mahu terus menjajah negara ini.

Persembahan itu diserikan oleh artis-artis tempatan termasuk Siti

Nurhaliza dan "James Bond Girl" Michele Yeoh.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, acara itu bertujuan meningkatkan perpaduan rakyat melalui lagu-lagu patriotik dan memberi semangat kepada mereka supaya terus berusaha memulihkan ekonomi negara.

-- BERNAMA

AFY WAT